

# Tiga lelaki ceroboh hutan simpan, tanam ketum ditahan

BH 12/2/2021  
M/s 22

**Kota Bharu:** Jabatan Perhutanan Kelantan menahan tiga lelaki kerana menceroboh hutan simpan untuk menanam ratusan pokok ketum, di kawasan seluas lebih satu hektar di Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Terah, Gua Musang, sejak dua tahun lalu.

Suspek berusia 25 hingga 33 tahun ditahan di sebuah rumah jam 10 pagi kelmarin, susulan maklumat awam dan risikan yang dibuat jabatan berkenaan dengan dibantu Pasukan Operasi Bersepadu Khazanah.

Pengarah Perhutanan Kelantan, Abdul Khalim Abu Samah, berkata sebaik tiba di lokasi berkenaan, pihaknya mendapati dua suspek sedang tidur di rumah terbabit dan disyaki



**Abdul Khalim Abu Samah**

khayal dadah.

"Ada juga sebuah motosikal, selaras senapang buatan sendiri dan tiga butir peluru hidup. Siasatan mendapati suspek menjalankan aktiviti dilarang iaitu menceroboh hutan dengan tujuan penanaman pokok ke-

tum, selain pokok durian dan getah.

"Suspek juga berada dalam hutan simpan kekal tanpa sebarang kebenaran sah daripada Jabatan Perhutanan Kelantan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Abdul Khalim berkata, sebaik pemeriksaan selesai, tiba-tiba seorang lelaki menunggang motosikal datang ke lokasi berkenaan sebelum ditahan.

"Lelaki itu mendakwa mencari dua lagi suspek yang sudah ditahan. Ketiga-tiga suspek yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Gua Musang untuk disiasat mengikut Seksyen 47(1) dan 81(1) Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.